



Headline: Tiga kerugian lebih RM500,000 kena tipu Macau Scam

Language: Malay

Publication/Portal: Berita Harian
Date: 25 April 2020

Section: Nasional
Page: 20

Tiga kerugian lebih RM500,000 kena tipu Macau Scam

Seremban: Tiga individu mengalami kerugian lebih setengah juta ringgit selepas diperdaya oleh sindiket 'Macau Scam' yang menyamar sebagai anggota polis, dalam tiga kejadian berasingan, pada minggu lalu hingga kelmarin.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Negeri Sembilan, Superintendant Aibee Ab Ghani, berkata kes pertama membabitkan kerugian sebanyak RM490,551 diikuti kes kedua RM15,000 dan kes ketiga RM7,800.

Beliau berkata, bagi kes pertama pada 11 April lalu, mangsa berusia 51 dari Mambau, di sini, menerima panggilan telefon daripada individu yang memperkenalkan diri sebagai Inspektor Wong dari Balai Polis Ipoh, Perak yang memberitahu mangsa akan ditahan kerana terbabit dalam kes perubahan wang haram dan membabitkan dalam pengedaran dadah.

"Mangsa diminta memasukkan RM99,537.98 pada 13 April lalu, sebelum memasukkan RM347,447.38 lagi pada keesokan harinya.

"Bagaimanapun, pada 23 April lalu, mangsa menyedari dia ditipu selepas suspek tidak dapat dihubungi," katanya.

Katanya, kes kedua membabitkan seorang pemandu lori berusia 57 tahun yang mengalami kerugian RM15,000 selepas diperdaya seorang wanita yang memperkenalkan diri sebagai Sarjan Tan dari IPK Pahang.

"Selepas menerima panggilan daripada suspek, mangsa turut menerima pesanan aplikasi WhatsApp yang mengatakan dia terbabit dalam penyalahgunaan wang berjumlah RM228,000, selain turut diugut dengan tindakan akaunnya akan dibekukan selama dua tahun enam bulan kerana didakwa enggan memberikan kerjasama dengan pihak berkuasa.

"Akibat takut dengan ugutan itu, mangsa mengikuti semua arahan suspek dengan memasukkan wang berjumlah RM15,000, sebelum menyedari ditipu," katanya.

Aibee berkata, kes ketiga pula membabitkan mangsa yang juga pesara kerajaan berusia 63 tahun dari Port Dickson.

"Pada 10 Mac lalu, mangsa menerima panggilan telefon daripada seorang individu kononnya dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kajang, Selangor memberitahu isteri mangsa terbabit dalam kes langgar lari yang membawa kepada kematian di Seri Kembangan, serta mempunyai waran tangkap daripada mahkamah," katanya.